

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**SOALAN NO. 175**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kebelas (KSP RMKe-11), Kerajaan telah merangka dasar dan hala tuju bagi memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tempoh sehingga tahun 2020. Terdapat 6 tonggak dasar dengan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi yang telah dikenal pasti dalam KSP RMKe-11 bagi meletakkan negara pada landasan yang betul. Dasar sosioekonomi yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 ini akan mengukuhkan lagi asas ekonomi dan meningkatkan daya saing negara bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan lebih bermakna kepada rakyat.

2. Kerajaan akan memperkenalkan Gagasan Kemakmuran Bersama yang mempunyai 7 teras utama iaitu penstrukturan dan penambahbaikan ekosistem perniagaan dan industri negara, sektor pertumbuhan baharu, reformasi bakat dan sumber tenaga negara, memperbaiki pasaran buruh dan pendapatan pekerja, memperkukuhkan kesejahteraan sosial, pembangunan wilayah yang inklusif, dan peningkatan modal sosial masyarakat.

3. Gagasan ini bermatlamat untuk mengurangkan jurang ekonomi, pendapatan dan penyertaan dalam rantai bekalan bagi semua kaum di Malaysia supaya kekayaan negara benar-benar dapat dirasai bersama.
4. Kerajaan juga sedang dalam proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 yang juga akan diumumkan dengan Gagasan Kemakmuran Bersama yang merupakan falsafah dan tulang belakang pelan pembangunan negara bagi jangka panjang.
5. Selain itu, langkah dasar struktur serta program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksanakan dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat.
6. Amalan kewangan yang tidak telus dan terurus serta ketirisan pada semua peringkat perlu ditangani dengan sewajarnya. Inisiatif juga akan dirangka bagi menangani cabaran baharu dan memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat.
7. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.

Sekian, terima kasih.